



Ruj. Kami : KKM BKP 100-2/8/8Jld2(32)  
Tarikh : 19 Jun 2017

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### **GARIS PANDUAN PERMOHONAN KE LUAR NEGARA BAGI PEGAWAI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) YANG AKAN MENYERTAI MISI BANTUAN KEMANUSIAAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, KKM sering menerima jemputan dari pertubuhan/persatuan sukarela untuk menyertai misi bantuan kemanusiaan di luar negara. Penyertaan misi berkenaan adalah bertujuan untuk memberi bantuan perubatan, makanan dan sokongan psikologi di negara-negara yang terlibat.
3. Selaras dengan Surat Pekeliling Am Bil.3 Tahun 2012 mengenai Peraturan Perjalanan Pegawai Awam Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian perlu mendapatkan kelulusan ke luar negara terlebih dahulu sebelum sesuatu lawatan dibuat agar lawatan teratur dan tidak menjejaskan perkhidmatan pegawai di fasiliti kesihatan. Sehubungan itu, Kementerian ini telah menyediakan Garis Panduan Permohonan Ke Luar Negara Bagi Pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Yang Akan Menyertai Misi Bantuan Kemanusiaan seperti di **Lampiran A**.
4. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dipohon untuk mematuhi dan memaklumkan garis panduan berkenaan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan masing-masing. Sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi Urus Setia Unit Luar Negara, Bahagian Khidmat Pengurusan di talian


Ruj. Kami : KKM BKP 100-2/8/8Jld2(32)

03-8883 2874/2831 atau melalui emel saifulnazri@moh.gov.my /nuraziaharun@moh.gov.my. Manakala bagi tujuan pendaftaran Pasukan Respon Bencana Perubatan bolehlah menghubungi Bahagian Perkembangan Perubatan di talian 03-8890 6042 atau melalui emel mohd.arifyusoff@moh.gov.my.

5. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

  
(DATO' SERI DR. CHEN CHAW MIN)

s.k.

Ketua Pengarah Kesihatan

SUSK YBMK

SUSK YBTMK



Ruj. Kami : KKM BKP 100-2/8/8Jld2(32)

**SENARAI EDARAN**

1. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
2. Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
3. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
4. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
5. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
6. Pengarah Kanan (Perkhidmatan Farmasi)
7. Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
8. Pengarah Kanan (Keselamatan & Kualiti Makanan)
9. Setiausaha Bahagian Kanan (Pembangunan)
10. Setiausaha Bahagian (Pengurusan Maklumat)
11. Setiausaha Bahagian (Sumber Manusia)
12. Setiausaha Bahagian (Dasar Dan Hubungan Antarabangsa)
13. Setiausaha Bahagian (Pembangunan Kompetensi)
14. Setiausaha Bahagian (Pengurusan Latihan)
15. Setiausaha Bahagian (Kewangan)
16. Setiausaha Bahagian (Perolehan & Penswastaaan)
17. Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan
18. Setiausaha Bahagian (Akaun)
19. Pengarah Perkembangan Perubatan
20. Pengarah Perkembangan Kesihatan Awam
21. Pengarah Perancangan

Ruj. Kami : KKM BKP 100-2/8/8Jld2(32)

22. Pengarah Amalan Perubatan
23. Pengarah Pembangunan Kesihatan Keluarga
24. Pengarah Perkhidmatan Kejuruteraan
25. Pengarah Pendidikan Kesihatan
26. Pengarah Perubatan Tradisional Dan Komplementari
27. Pengarah Kawalan Penyakit
28. Pengarah Pemakanan
29. Pengarah Sains Kesihatan Bersekutu
30. Pengarah Kawalselia Radiasi Perubatan
31. Pengarah Kejururawatan
32. Penasihat Undang-Undang
33. Pegawai Tugas-tugas Khas (KPI & KK)
34. Ketua Audit Dalam
35. Ketua Unit Integriti

#### **SENARAI EDARAN INSTITUSI**

1. Pengarah  
Institut Kesihatan Umum  
Jalan Bangsar  
50590 Kuala Lumpur
2. Pengarah  
Institut Penyelidikan Perubatan  
Jalan Pahang  
50588 Kuala Lumpur

Ruj. Kami : KKM BKP 100-2/8/8Jld2(32)

3. Pengarah  
Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan  
Suites 55-1, 55-2, 55-3, 55-4  
Setia Avenue, No.2 Jalan Setia Prima S U13/S  
Seksyen U13 Setia Alam  
40170 Shah Alam Selangor
4. Pengarah  
Institut Pengurusan Kesihatan  
Jalan Rumah Sakit  
Off Jalan Bangsar  
59000 Kuala Lumpur
5. Pengarah  
Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC)  
Tingkat 3 Blok Dermatologi  
Hospital Kuala Lumpur, Jalan Pahang  
50586 Kuala Lumpur
6. Pengarah  
Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan  
Jln Rumah Sakit Bangsar  
50590 Kuala Lumpur
7. Pengarah  
Pusat Darah Negara  
Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur
8. Pengarah  
Pusat Kawalan Kusta Negara  
Hospital Sungai Buloh  
47000 Sungai Buloh  
Selangor
9. Pengarah  
Institut Perubatan Respiratori  
Hospital Kuala Lumpur  
Jalan Pahang  
50586 Kuala Lumpur

Ruj. Kami : KKM BKP 100-2/8/8Jld2(32)

10. Pengarah  
Institut Kanser Negara  
Hospital Putrajaya  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Presint 7  
62250 Putrajaya
11. Pengarah  
Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia  
Aras 9, 11 & 12, 26 Boulevard, Persiaran Perdana, Presint 3  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62675 Putrajaya

**SENARAI EDARAN JABATAN KESIHATAN NEGERI**

1. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis  
Jalan Raja Syed Alwi,  
01000 Kangar  
Perlis
2. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah  
Jalan Kuala Kedah  
05400 Simpang Kuala, Alor Setar  
Kedah
3. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang  
Tingkat 35&37, KOMTAR  
10590 Pulau Pinang
4. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan  
15590 Kota Bharu  
Kelantan
5. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan  
Jalan Sultan Ismail

20920 Kuala Terengganu  
Terengganu

6. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang  
Jalan IM 4, Bandar Indera Mahkota,  
25582 Kuantan,  
Pahang
7. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab  
30590 Ipoh  
Perak
8. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor  
Tingkat 9,10 &11, Wisma Sunwaymas  
Lot 1, Jalan Persiaran Kayangan  
40100 Shah Alam  
Selangor
9. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor  
Blok B, Tingkat 4, Wisma Persekutuan  
Jalan Air Molek  
80590 Johor Baru  
Johor
10. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan  
Jalan Rasah  
70300 Seremban  
Negeri Sembilan
11. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka  
Tingkat 3,4 dan 5  
Jalan Business City, Bandar MITC  
75450 Ayer Keroh  
Melaka



Ruj. Kami : KKM BKP 100-2/8/8Jld2(32)

12. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah  
Tingkat 3, Rumah Persekutuan  
Jalan Mat Salleh  
88590 Kota Kinabalu  
Sabah
13. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak  
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako  
93590 Kuching  
Sarawak
14. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya  
Jalan Cenderasari  
50590 Kuala Lumpur
15. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan  
Peti Surat 80832  
87018 Wilayah Persekutuan Labuan





**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
2017**

---

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN KE LUAR NEGARA BAGI PEGAWAI  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) YANG AKAN  
MENYERTAI MISI BANTUAN KEMANUSIAAN**

---

**1. TUJUAN**

- 1.1 Kertas ini bertujuan untuk memberi panduan berhubung permohonan kelulusan bagi menyertai misi bantuan kemanusiaan ke luar negara oleh pegawai dan anggota KKM.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 KKM sentiasa menerima jemputan dari pertubuhan/persatuan sukarela untuk menyertai misi bantuan kemanusiaan di luar negara. Misi berkenaan bertujuan untuk memberi bantuan kemanusiaan termasuk makanan, perubatan dan sokongan psikologi di negara-negara yang terlibat. Misi seperti ini adalah dibenarkan dengan mengambil kira **peraturan dan keputusan Kerajaan berhubung larangan ke luar negara semasa.**

**3. PUNCA KUASA**

- 3.1 Selaras dengan Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2012 daripada Jabatan Perdana Menteri (Peraturan Perjalanan Pegawai Awam Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian),

setiap pegawai perlu mendapatkan kelulusan ke luar negara terlebih dahulu sebelum sesuatu lawatan dibuat agar **lawatan tersebut teratur dan tidak menjejaskan perkhidmatan pegawai di fasiliti kesihatan**. Pegawai juga perlu bersedia dari segi mental dan fizikal, menyedari risiko serta bersiaga siaga bagi menghadapi sebarang kemungkinan kejadian semasa menyertai misi bantuan kemanusiaan.

#### 4. PERATURAN PENYERTAAN MISI BANTUAN KEMANUSIAAN

- 4.1 Misi bantuan kemanusiaan yang diputuskan oleh keputusan Jemaah Menteri, Majlis Keselamatan Negara, Agensi Pengurusan Bencana Negara, badan / pertubuhan antarabangsa yang diiktiraf oleh Kerajaan dan Jawatankuasa Tertinggi Pengurusan Bencana KKM boleh dipertimbangkan sebagai urusan rasmi dengan syarat perlu mendapat kelulusan lawatan ke luar negara daripada Pegawai Pengawal.
- 4.2 Walau bagaimanapun, penyertaan misi yang melibatkan jemputan daripada persatuan, pegawai sendiri perlu mendapatkan **sokongan daripada Ketua Jabatan/Ketua Program dan kelulusan daripada Pegawai Pelulus** mengikut gred pegawai selaras dengan Garis Panduan Permohonan Perjalanan Pegawai Awam Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian yang dikeluarkan oleh KKM pada 3 Disember 2012.
- 4.3 Selaras dengan surat edaran Ketua Setiausaha Kementerian rujukan KKM.600-27/12/7Jld.3(9) bertarikh 15 Mac 2017, **pegawai perlu berdaftar di dalam Pangkalan Data Pasukan Respon Bencana Perubatan**, KKM seperti di **Lampiran A** dan pegawai perlu mengemukakan pengesahan pendaftaran semasa membuat permohonan ke luar negara. Kementerian akan hanya mempertimbang dan **memberi kebenaran kepada pegawai yang tersenarai di dalam pangkalan data** tersebut.



- 4.4 Ketua Jabatan/Ketua Program selaku Pegawai Penyokong atau Pegawai Pelulus perlu **teliti semasa mempertimbangkan permohonan** dalam memastikan penyertaan pegawai selamat, **tidak menjejaskan perkhidmatan atau tugas hakiki** pegawai. Penyertaan bagi misi bantuan kemanusiaan adalah **tidak melebihi dua (2) orang pegawai bagi setiap negeri**. Bagi penyertaan **melebihi dua (2) orang** bagi negeri berkenaan perlu mendapatkan **kelulusan daripada Ketua Setiausaha** terlebih dahulu.
- 4.5 Kekерapan pegawai menyertai misi bantuan kemanusiaan adalah **tidak melebihi dua (2) kali setahun** atau **satu (1) kali setahun tidak melebihi 21 hari termasuk hari perjalanan**. Bagi permohonan misi berkenaan, Pegawai Penyokong dan Pegawai Pelulus adalah seperti di **JADUAL 1**.
- 4.6 Pegawai perlu **mendapatkan kemudahan Cuti Rehat atau Cuti Tanpa Gaji (CTG)** bagi menyertai **misi bantuan kemanusiaan**. Walau bagaimanapun, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 8 Mac 2017 membenarkan pegawai layak mendapat **Cuti Tanpa Rekod (CTR)** sekiranya menyertai misi bersama persatuan iaitu **Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (MERCY), Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia** dan **St. John Ambulance Malaysia** dengan pegawai mematuhi syarat-syarat seperti berikut :-
- 4.6.1 **aktiviti kemanusiaan di luar negara;**
  - 4.6.2 tertakluk kepada **maksimum 21 hari termasuk hari rehat mingguan, hari pelepasan am dan termasuk tempoh perjalanan pergi dan balik;** dan
  - 4.6.3 **tidak mengganggu penyampaian perkhidmatan.**
- 4.7 Kebenaran untuk menggunakan kemudahan Cuti Rehat, CTG dan CTR adalah tertakluk kepada Ketua Jabatan dan

hendaklah mematuhi pekeliling dan arahan semasa yang berkuatkuasa. Permohonan menyertai misi bantuan kemanusiaan perlu **dirancang dan dikemukakan dengan lengkap termasuk kelulusan Cuti Rehat atau CTG dan perakuan Pegawai Penyokong kepada pihak urus setia selewat-lewatnya lima (5) hari bekerja sebelum tarikh perjalanan dilakukan.** Pegawai yang menyertai misi kemanusiaan **tanpa kelulusan** adalah di bawah **tanggungjawab dan risiko pegawai** masing-masing serta boleh dikenakan **tindakan tatatertib** selaras di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

- 4.8 **Pembiayaan** bagi menyertai misi bantuan kemanusiaan perlu dibiayai oleh **pertubuhan/persatuan** yang menjemput dan menganjurkan misi berkenaan atau **dibiayai oleh pegawai sendiri.** Pegawai **dilarang menerima tajaan** daripada **syarikat swasta** dan **pertubuhan-pertubuhan yang boleh mendatangkan mudarat kepada pegawai dan keselamatan negara.**
- 4.9 Pegawai Pelulus bagi setiap PTJ perlu **menyalinkan surat kelulusan** lawatan ke luar negara bagi menyertai misi kemanusiaan kepada **Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)** dan **Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM** pada hari yang sama kelulusan dikeluarkan bagi tujuan pemantauan dan pematuhan kepada pekeliling yang dikeluarkan. Pegawai juga dinasihatkan supaya merujuk kepada Pusat Pengurusan Krisis dan Bencana (CPRC), KKM sebelum mengadakan lawatan bagi memastikan tugas misi kemanusiaan dapat dilaksanakan dengan cekap dan selamat.

## 5. PERUBAHAN DAN PENGECUALIAN

- 5.1 Pegawai-pegawai perlu mematuhi kesemua syarat-syarat yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, **kelulusan khas** perlu



diperolehi daripada **Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan** sekiranya pegawai tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

## 6. CARTA ALIR PERMOHONAN KE LUAR NEGARA BAGI MENYERTAI MISI KEMANUSIAAN

6.1 Bagi memudahkan urusan permohonan pegawai dan Ketua Jabatan perlu merujuk kepada carta alir permohonan seperti di **LAMPIRAN B**.

## 7. TARIKH PENGUATKUASAAN

7.1 Garis panduan ini terpakai bermula dari tarikh garis panduan ini diedarkan.

7.2 Sebarang pertanyaan bolehlah merujuk kepada Urus Setia seperti berikut:-

Perkara	Bahagian	Talian Yang Boleh Dihubungi
Permohonan ke luar negara	Bahagian Khidmat Pengurusan	03-8883 2874 / 2831 / 3036 / 2696
Urusan berkaitan cuti	Bahagian Sumber Manusia	03-8883 2931 / 3711 / 3376
Urusan Pangkalan Data Pasukan Respon Bencana Perubatan	Bahagian Perkembangan Perubatan	03-8883 1160 / 03-8890 6042

Kementerian Kesihatan Malaysia

19 Jun 2017



**KETUA SETIAUSAHA**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
*Aras 12, Blok E7, Kompleks E,*  
*Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,*  
*62590 Putrajaya*



Telefon: 03-88832533  
Fax : 03-88895245

Ruj. Kami : KKM.600-27/12/7J/d.3(9)

Tarikh : 15 Mac 2017

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk / Dato' / Datin/ Tuan / Puan,

### **PEWUJUDAN PANGKALAN DATA PASUKAN RESPON BENCANA PERUBATAN, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sejak akhir-akhir ini dunia telah dikejutkan dengan kejadian bencana yang berlaku di dalam negara dan juga di luar negara. Kejadian banjir berskala besar yang melanda negara pada akhir tahun 2014, kejadian gempa bumi di Nepal dan kejadian gempa bumi di daerah Ranau, Sabah. Kejadian-kejadian ini mengakibatkan kehilangan nyawa dan kerugian mencecah jutaan ringgit dengan berlakunya kerosakan harta benda kerajaan/awam.
3. Susulan daripada kejadian seumpama ini, Kementerian Kesihatan Malaysia berhasrat mewujudkan pangkalan data bagi menyimpan maklumat-maklumat pegawai seperti **Pakar, Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan dan Jururawat Terlatih** yang berminat dan bersedia untuk dipanggil bagi menyertai misi pasukan respon bencana ketika diperlukan samada kejadian bencana yang berlaku di dalam dan di luar negara.
4. Dengan adanya Pangkalan Data ini, Kementerian akan hanya mempertimbang dan memberi kebenaran kepada warga kerjanya yang terdapat di dalam Pangkalan Data ini.


5. Pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan dengan ini dipohon untuk mengemukakan maklumat diri pegawai-pegawai yang berminat dengan menggunakan format sebagaimana yang dilampirkan. Borang yang telah diisi boleh dihantar melalui alamat emel [olivia.tan@moh.gov.my](mailto:olivia.tan@moh.gov.my) atau [mohd.arifyusoff@moh.gov.my](mailto:mohd.arifyusoff@moh.gov.my).

6. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak YBhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh berhubung terus dengan pegawai kami Dr Olivia Tan Yen Ping di talian 03-88831160 dan Mohd Arif Bin Mohd Yusoff di talian 03-88906042.

Perhatian dan kerjasama pihak YBhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan amatlah dihargai dan pihak kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

  
(DATO' SERI DR CHEN CHAW MIN)

s.k

Ketua Pengarah Kesihatan

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan&Sokongan Teknikal)



## SEPERTI SENARAI EDARAN

### 1. Pengarah Kesihatan Negeri

Jabatan Kesihatan Negeri Perlis  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan  
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

### 2. Pengarah Hospital

Hospital Tuanku Fauziah, Kangar, Perlis  
Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah  
Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah  
Hospital Langkawi, Kedah  
Hospital Kulim, Kedah  
Hospital Baling, Kedah  
Hospital Sik, Kedah  
Hospital Yan, Kedah  
Hospital Jitra, Kedah



Hospital Kuala Nerang, Kedah  
Hospital Pulau Pinang  
Hospital Balik Pulau, Pulau Pinang  
Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang  
Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang  
Hospital Bukit Mertajam, Pulau Pinang  
Hospital Sungai Bakap, Pulau Pinang  
Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak  
Hospital Taiping, Perak  
Hospital Teluk Intan, Perak  
Hospital Kuala Kangsar, Perak  
Hospital Parit Buntar, Perak  
Hospital Slim River, Perak  
Hospital Selama, Perak  
Hospital Batu Gajah, Perak  
Hospital Tapah, Perak  
Hospital Kampar, Perak  
Hospital Gerik, Perak  
Hospital Seri Manjung, Perak  
Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak  
Hospital Sungai Siput, Perak  
Hospital Changkat Melintang, Perak  
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor  
Hospital Kajang, Selangor  
Hospital Serdang, Selangor  
Hospital Kuala Kubu Bharu, Selangor  
Hospital Sungai Buloh, Selangor  
Hospital Banting, Selangor  
Hospital Selayang, Selangor

Hospital Ampang, Selangor  
Hospital Shah Alam, Selangor  
Hospital Tengku Ampuan Jemaah Sabak Bernam, Selangor  
Hospital Tanjung Karang, Selangor  
Hospital Orang Asli, Gombak, Selangor  
Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban, Negeri Sembilan  
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan  
Hospital Port Dickson, Negeri Sembilan  
Hospital Tampin, Negeri Sembilan  
Hospital Jelebu, Negeri Sembilan  
Hospital Jempol, Negeri Sembilan  
Hospital Melaka, Melaka  
Hospital Alor Gajah, Melaka  
Hospital Jasin, Melaka  
Hospital Putrajaya, W.P Putrajaya  
Hospital Kuala Lumpur, W.P Kuala Lumpur  
Hospital Labuan, W.P Labuan  
Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, Johor  
Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru, Johor  
Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar, Johor  
Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor  
Hospital Kluang, Johor  
Hospital Segamat, Johor  
Hospital Pontian, Johor  
Hospital Mersing, Johor  
Hospital Kota Tinggi, Johor  
Hospital Tangkak, Johor  
Hospital Permai, Johor Bahru, Johor  
Hospital Temenggung Seri Maharaja Tun Ibrahim Kulai, Johor

Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Pahang  
Hospital Pekan, Pahang  
Hospital Sultan Hj Ahmad Shah, Temerloh, Pahang  
Hospital Kuala Lipis, Pahang  
Hospital Raub, Pahang  
Hospital Sultanah Hajjah Kalsom Cameron Highland, Pahang  
Hospital Bentong, Pahang  
Hospital Jerantut, Pahang  
Hospital Muadzam Shah, Pahang  
Hospital Jengka, Pahang  
Hospital Rompin, Pahang  
Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu, Terengganu  
Hospital Hulu Terengganu, Terengganu  
Hospital Kemaman, Terengganu  
Hospital Dungun, Terengganu  
Hospital Besut, Terengganu  
Hospital Setiu, Terengganu  
Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu, Kelantan  
Hospital Pasir Mas, Kelantan  
Hospital Tumpat, Kelantan  
Hospital Machang, Kelantan  
Hospital Tanah Merah, Kelantan  
Hospital Tengku Anis, Pasir Puteh, Kelantan  
Hospital Gua Musang, Kelantan  
Hospital Kuala Krai, Kelantan  
Hospital Jeli, Kelantan  
Hospital Queen Elizabeth I, Sabah  
Hospital Queen Elizabeth II, Sabah  
Hospital Duchess of Kent, Sandakan, Sabah

Hospital Tawau, Sabah  
Hospital Keningau, Sabah  
Hospital Tenom, Sabah  
Hospital Beaufort, Sabah  
Hospital Sipitang, Sabah  
Hospital Lahad Datu, Sabah  
Hospital Kudat, Sabah  
Hospital Papar, Sabah  
Hospital Tambunan, Sabah  
Hospital Beluran, Sabah  
Hospital Semporna, Sabah  
Hospital Ranau, Sabah  
Hospital Kota Marudu, Sabah  
Hospital Kinabatangan, Sabah  
Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas, Sabah  
Hospital Kunak, Sabah  
Hospital Kuala Penyu, Sabah  
Hospital Mesra Bukit Padang, Sabah  
Hospital Kota Belud, Sabah  
Hospital Pitas, Sabah  
Hospital Tuaran, Sabah  
Hospital Umum Sarawak, Kuching, Sarawak  
Hospital Sentosa, Kuching, Sarawak  
Hospital Miri, Sarawak  
Hospital Betong, Sarawak  
Hospital Bau, Sarawak  
Hospital Bintulu, Sarawak  
Hospital Kapit, Sarawak  
Hospital Daro, Sarawak



Hospital Kanowit, Sarawak

Hospital Lawas, Sarawak

Hospital Limbang, Sarawak

Hospital Mukah, Sarawak

Hospital Lundu, Sarawak

Hospital Saratok, Sarawak

Hospital Serian, Sarawak

Hospital Sibu, Sarawak

Hospital Sarikei, Sarawak

Hospital Simunjan, Sarawak

Hospital Sri Aman, Sarawak

Hospital Marudi, Sarawak

Hospital Rajah Charles Brooke Memorial, Sarawak

Hospital Dalat, Sarawak

**Borang Maklumat Pegawai**

Maklumat perlu diisi oleh pegawai yang berminat dan diserahkan kepada Pejabat Pengarah untuk tindakan selanjutnya. (Pastikan semua maklumat lengkap diisi).

Maklumat Pegawai	
Nama Penuh:	
No. Kad Pengenalan:	
Gelaran:	Jantina: Lelaki / Perempuan
Alamat:	
Poskod:	
No. Tel (R):	
No. Tel (HP):	
Emel:	

Maklumat Perkhidmatan:		
Nama Hospital:	Nombor Telefon Pejabat:	
Jabatan/Unit:		
Jawatan:	Gred:	
Kelulusan Kepakaran/Pos Basik:		
Tahun Diperolehi :		
No. APC:		
Pengalaman:		
i. Bertugas		
	Jabatan/Unit	Tahun
i.		
ii.		
iii.		
iv.		
v.		

ii. Penglibatan Pengurusan Bencana (Sebelum ini).

a. Dalam Negara

	Jenis Bencana	Tahun
i.		
ii.		
iii.		

b. Luar Negara

	Jenis Bencana	Tahun
i.		
ii.		
iii.		

Alamat Tempal Bertugas:

Poskod:

Adakah terdapat sebarang masalah kesihatan yang perlu dimaklumkan sekiranya berlaku sebarang kecemasan?

**\*Ya / Tidak** \* potong yang mana tidak berkenaan

Sekiranya Ya, Jelaskan:

.....  
.....  
.....

Maklumat Waris (Sekiranya berlaku kecemasan):	
Nama Penuh:	
No Kad Pengenalan:	
Gelaran:	Jantina: Lelaki / Perempuan
Hubungan dengan pegawai:	
Alamat (Sekiranya berlainan dengan alamat di atas):	
	Poskod:
No. Tel (R):	
No. Tel (HP):	

Ulasan Ketua Jabatan

**\*Sokong / Tidak Sokong**

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

.....

Nama : .....

Jawatan : .....

Cop Rasmi :

Tarikh :

*\* polong yang mana tidak berkenaan*



**PEGAWAI MENYOKONG DAN MELULUS BAGI MISI BANTUAN  
KEMANUSIAAN KE LUAR NEGARA**

<b>Kategori Pegawai</b>	<b>Kuasa Menyokong</b>	<b>Kuasa Melulus</b>	<b>Cadangan Baru Kuasa Melulus</b>
Pengarah JKN / Pengarah HKL	KPK	KSU	<b>Kuasa Melulus Dikekalkan</b> - Selaras dengan Garis Panduan Permohonan Perjalanan Pegawai Awam Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian KKM bertarikh 3 Disember 2012.
Setiausaha Bahagian / Pengarah Bahagian / Pengarah Institusi	Ketua Program	KSU	<b>Kuasa Melulus Dikekalkan</b> - Selaras dengan Garis Panduan Permohonan Perjalanan Pegawai Awam Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian KKM bertarikh 3 Disember 2012.
Pengarah Hospital	Timbalan Pengarah (Perubatan) JKN	Pengarah JKN	<b>Kuasa Melulus Dikekalkan</b>  <b>Kelulusan Pengarah</b>

Kategori Pegawai	Kuasa Menyokong	Kuasa Melulus	Cadangan Baru Kuasa Melulus
			Kesihatan Negeri dimaklumkan kepada TKSU (P) dan BKP pada hari yang sama melalui emel.
<p>Kumpulan Pengurusan &amp; Profesional</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ibu Pejabat/ Institusi</li> <li>- Hospital Kuala Lumpur</li> <li>- Negeri/ Hospital/ Daerah dan Fasiliti di bawahnya</li> </ul>	<p>SUBK/SUB/ Pengarah Bahagian/ Pengarah Institusi</p> <p>Ketua Cawangan/ Unit/ Jabatan</p> <p>Timbalan Pengarah JKN/Hospital/ Daerah/ Fasiliti yang berkaitan</p>	<p>TKSU (P)</p> <p>Pengarah HKL</p> <p>Pengarah JKN</p>	<p><b>Kuasa Melulus Dikekalkan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Selaras dengan Garis Panduan Permohonan Perjalanan Pegawai Awam Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian KKM pada bertarikh 2012.</li> </ul>
<p>Kumpulan Sokongan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ibu</li> </ul>	<p>Ketua</p>	<p>SUB (KP)</p>	<p><b>Kuasa Melulus Dikekalkan</b></p>

Kategori Pegawai	Kuasa Menyokong	Kuasa Melulus	Cadangan Baru Kuasa Melulus
Pejabat/ Institusi  - Hospital Kuala Lumpur  - Negeri/ Hospital/ Daerah dan Fasiliti di bawahnya	Cawangan /Seksyen /Unit  Ketua Cawangan/ Unit/ Jabatan  Timbalan Pengarah JKN/Hospital/ Daerah/ Fasiliti yang berkaitan	Pengarah HKL       Pengarah JKN	- Selaras dengan Garis Panduan Permohonan Perjalanan Pegawai Awam Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian KKM bertarikh 3 Disember 2012.

**CARTA ALIR PERMOHONAN KE LUAR NEGARA PEGAWAI  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) BAGI MENYERTAI  
MISI BANTUAN KEMANUSIAAN**

Pejabat Bertanggungjawab

Keterangan Aktiviti

